

## Islam Melarang Asabiyah

Rasulullah SAW sendiri melarang *asabiyah* sebagaimana sabdanya:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ دَعَا إِلَىٰ عَصِيَّةٍ، وَلَيْسَ مِنَّا مَنْ قَاتَلَ عَلَىٰ عَصِيَّةٍ، وَلَيْسَ مِنَّا مَنْ مَاتَ  
عَلَىٰ عَصِيَّةٍ

**Maksudnya:** “Bukan dari golongan kami orang yang mengajak kepada asabiyah. Bukan daripada golongan kami orang yang berperang atas asabiyah. Dan bukan dari golongan kami orang yang mati atas asabiyah.”

Riwayat Abu Daud (5132)

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Tidak ada keistimewaan yang khusus kerana warna kulit yang tertentu atau kerana bangsa manusia yang tertentu, atau kerana tanah air yang tertentu. Seorang Muslim tidak boleh taksub kepada warna kulitnya atas warna kulit orang lain, tidak boleh juga taksub kerana sukunya atas suku yang lain, ataupun dari suatu daerah ke atas daerah yang lain.
2. Tidak boleh juga bagi seorang yang beriman kepada Allah dan hari Kiamat memenangkan hanya kepada kaumnya atau sukunya semata-mata dalam hal-hal kebenaran, kebatilan, keadilan dan kezaliman.
3. Satu riwayat daripada Wathilah bin al-Asqa' RA, yang pernah berkata: Aku bertanya kepada Rasulullah SAW: “*Hai Rasulullah! Apa itu asabiyah?*” Jawab Baginda: “*Apabila membela kaumnya atas suatu kezaliman.*” - Riwayat Abu Daud

4. Allah SWT berfirman:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلّٰهِ وَلَوْ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ﴾

**Maksudnya:** *Wahai orang-orang yang beriman! Kamu hendaklah menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu.”*

(Surah al-Nisa': 135)

5. Dan firman-Nya lagi:

﴿وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعْدِلُوٓاْ﴾

**Maksudnya:** *Jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil.*

(Surah al-Maidah: 8)

6. Nabi SAW telah membetulkan maksud ungkapan berikut yang telah tersebar luas di zaman jahiliah, iaitu:

﴿أَنْصُرُ أَخَاكَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا﴾

**Maksudnya:** *“Bantulah saudaramu bila dia menganiaya atau teraniaya.”*

Riwayat al-Bukhari (2443) dan Ahmad (12273)

7. Ungkapan yang sama ini disampaikan pula kepada para sahabatnya setelah mereka beriman dengan Islam, (iaitu dengan tujuan untuk mengubah maksudnya yang lahir itu kepada maksud yang lain), sehinggalah mereka berasa takjub. Lalu mereka pun berkata kepada Rasulullah SAW:

﴿يَا رَسُولَ اللّٰهِ: هَذَا نَنْصُرُهُ مَظْلُومًا، فَكَيْفَ نَنْصُرُهُ ظَالِمًا؟ قَالَ: تَمْنَعُهُ مِنَ الظُّلْمِ، فَذَلِكَ نَصْرٌ لَّهِ﴾

**Maksudnya:** *“Hai Rasulullah! Dalam hal begini, memanglah kami*

*membantunya bila dia teraniaya. Tetapi bagaimana pula kita mesti membantunya dalam keadaan menganiaya? Baginda menjawab: Kamu menahannya dari membuat penganiayaan itu! Itulah yang dikatakan membantunya!”*

Riwayat al-Bukhari (2444) dan Ahmad (13421)

8. Di sini jelaslah bagi kita, bahawa ajakan kaum muslimin kepada asabiyah, atau fanatik perkauman, atau kedaerahan, seperti berkata “**Aku dari bangsa ini!**” Atau mengatakan “**Aku dari kaum ini!**” dan sebagainya, semua ini adalah amalan kaum jahiliah, yang dilarang sama sekali dalam Islam.
9. Islam tidak mengiktiraf apa-apa bentuk sekalipun kepada akidahnya, dan tidak mengutamakan apa ikatan pun selain ikatan ukhuwah Islamiyah, dan tiada perbezaan antara iman dan kufur. Orang kafir yang memusuhi Islam adalah musuh setiap orang Muslim, meskipun ia adalah berjiran dan senegara dengannya, ataupun salah seorang dari kaum bangsanya sendiri, dari ibu dan bapa yang sama. Allah SWT berfirman:

لَا يَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ يُوَادُّونَ مَنْ حَادَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَوْ  
كَانُوا آبَاءَهُمْ أَوْ أَبْنَاءَهُمْ أَوْ إِخْوَانَهُمْ أَوْ عَشِيرَتَهُمْ

**Maksudnya:** *Engkau tidak akan dapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, tergamak berkasih-mesra dengan orang-orang yang menentang (perintah) Allah dan Rasul-Nya, sekalipun orang-orang yang menentang itu ialah bapa-bapa mereka, atau anak-anak mereka, atau saudara-saudara mereka, ataupun keluarga mereka.*

(Surah al-Mujadalah: 22)

10. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَتَّخِذُوا آبَاءَكُمْ وَإِخْوَانَكُمْ أَوْلِيَاءَ إِنِ اسْتَحَبُّوا  
الْكُفْرَ عَلَى الْإِيمَانِ

**Maksudnya:** *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu menjadikan bapa-bapa kamu dan saudara-saudara kamu sebagai orang-orang yang didampingi jika mereka memilih kufur dengan meninggalkan iman.*

(Surah al-Taubah: 23)

**Tiada Perbezaan dan Diambil Kira Keturunan dan Warna Kulit** .....

Imam al-Bukhari meriwayatkan bahawa Abu Dzar dan Bilal R. Anhuma merupakan orang Habsyi. Mereka berdua adalah antara orang yang pertama memeluk Islam. Pada suatu hari mereka sedang bertengkar dan saling memaki. Dalam keadaan marah, Abu Dzar berkata kepada Bilal: Hai anak si perempuan hitam! Maka segeralah Bilal mengadukan hal itu kepada Rasulullah SAW lalu Baginda pun datang dan bertanya kepada Abu Dzar:

أَعَيَّرْتَهُ بِأُمَّهِ؟ إِنَّكَ أَمْرٌ فِيكَ جَاهِلِيَّةٌ!

**Maksudnya:** “Sampai hati engkau mencacinya (Bilal) dengan menyebutkan ibunya? Sesungguhnya engkau ini seorang yang masih pekat dengan adat kaum jahiliah.”

Riwayat al-Bukhari (30)

Abu Dzar sendiri pernah mengatakan bahawa Nabi SAW bersabda:

أَنْظُرْ، فَإِنَّكَ لَسْتَ بِخَيْرٍ مِنْ أَحْمَرَ وَلَا أَسْوَدَ، إِلَّا أَنْ تَفْضُلَهُ بِتَقْوَى اللَّهِ

**Maksudnya:** “Ingatlah (wahai Abu Dzar) sesungguhnya engkau tidak akan lebih baik dari yang berkulit hitam atau merah, kecuali jika engkau melebihinya dengan takwa kepada Allah.”

Riwayat Ahmad (22017)

Baginda bersabda lagi:

كُلُّكُمْ بَنُو آدَمَ، وَآدَمَ خُلِقَ مِنْ تُرَابٍ

**Maksudnya:** “Kamu sekalian adalah dari keturunan anak Adam, sedang Adam diciptakan dari tanah!”

Riwayat al-Bazzar (2938)

Jelas kini, Islam melarang orang Muslimin berpegang kepada ajaran jahiliah, yang suka membangga-banggakan nasab keturunan mereka, mengagungkan bapa dan datuk nenek, seperti berkata atara satu dengan yang lain: “**Aku anak si fulan!**” Ataupun: “**Aku dari keturunan fulan bin fulan!**” Ataupun: “**Aku**

dari keturunan ini! Aku dari bangsa berkulit putih! Dan kamu dari bangsa berkulit hitam! Aku orang Arab dan engkau orang ‘ajam!’”

Apalah ertinya keturunan dan kaum pada pandangan manusia bahawa mereka semua adalah berasal dari bapa yang satu. Katakanlah bahawa keturunan itu ada nilainya pada pandangan manusia, maka apalah ada pada kelebihan bagi manusia itu, atau apa dosanya jika dia dilahirkan dari bapa yang ini atau yang itu? Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أَنْسَابَكُمْ هَذِهِ لَيْسَتْ بِمَسَبَّةٍ عَلَى أَحَدٍ، كُلُّكُمْ بَنُوا آدَمَ، لَيْسَ لِأَحَدٍ عَلَى أَحَدٍ  
فَضْلٌ إِلَّا بِدِينٍ أَوْ تَقْوَى

**Maksudnya:** “*Sesungguhnya keturunan-keturunan kamu itu tidak boleh dijadikan sebab untuk kamu merendahkan-rendahkan orang lain. Kamu semua adalah anak Adam, tidak ada kelebihan seseorang dengan yang lain kecuali dengan agama dan takwanya.*”

Riwayat Ahmad (17909)

Dalam sabdanya yang lain:

النَّاسُ لِآدَمَ وَحَوَاءَ... إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْأَلُكُمْ عَنْ أَحْسَابِكُمْ وَلَا أَنْسَابِكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ،  
إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ

**Maksudnya:** “*Manusia itu semuanya berasal dari Adam dan Hawa... Sesungguhnya Allah tidak akan bertanya tentang kamu dan keturunan kamu, serta kaum kamu di Akhirat nanti. Sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah yang paling bertakwa di antara kamu!*”

Riwayat Ibn Jarir dan Ibn Sa'ad

Nabi SAW melahirkan kemarahannya terhadap orang-orang yang suka membangga-banggakan diri dengan menyebut bapa-bapa mereka dan datuk nenek mereka dalam ungkapan-ungkapan kata yang sangat keras dan perumpamaan yang tajam, katanya:

لَيْسَتْ هِيَ أَقْوَامٌ يَفْتَخِرُونَ بِآبَائِهِمُ الَّذِينَ مَاتُوا، إِنَّمَا هُمْ فَحْمٌ جَهَنَّمَ، أَوْ لِيَكُونَ  
أَهْوَنَ عَلَى اللَّهِ مِنَ الْجُعَلِ الَّذِي يُدْهَدُهُ الْخِرَاءَ بِأَنْفِهِ، إِنَّ اللَّهَ أَذْهَبَ عَنْكُمْ عُبِّيَّةَ

الْجَاهِلِيَّةَ وَفَخَرَهَا بِالْأَبَاءِ، هُوَ مُؤْمِنٌ تَقِيٌّ، وَفَاجِرٌ شَقِيٌّ. النَّاسُ بَنُو آدَمَ، وَآدَمُ  
خُلِقَ مِنْ تُرَابٍ

**Maksudnya:** “Hendaklah kaum-kaum yang suka membangga-banggakan datuk nenek mereka yang sudah mati itu berhenti dari kebanggaan mereka itu! Ini kerana mereka semua telah menjadi ahli neraka. Ataupun mereka akan menjadi orang yang lebih hina di sisi Allah daripada lipas yang mencium najis dengan muncung hidungnya. Sesungguhnya Allah telah melenyapkan akar umbi (datuk nenek) masyarakat jahiliah ini dan kebanggaan mereka. Melainkan dia adalah seorang yang beriman lagi bertakwa dan seorang yang jahat lagi derhaka. Semua manusia itu berasal dari anak Adam, dan Adam pula berasal dari tanah.”

Riwayat Abu Daud (5118) dan al-Tirmizi (4336) dan lafaz baginya beliau berkata: Hadis hasan dan al-Baihaqi (5127) dengan sanadnya *hasan* juga seperti kata al-Munziri

Hadis ini memberi peringatan kepada mereka yang sering membangga-banggakan diri hanya kerana berasal dari keturunan yang hebat seperti, kaum keluarga Firaun, ataupun dari keturunan Kisra (Kaisar), dan lain-lain yang berasal dari kaum Arab jahiliah dan bangsa ajam, di mana mereka semua itu hanyalah dari golongan yang hanya akan binasa semata-mata, sebagaimana yang dikatakan oleh Rasulullah SAW.

Dalam peristiwa *Hajjatul Wada'* (Haji Perpisahan) ribuan orang Muslimin berkumpul pada hari *Tasyriq*, di bulan haram dan di negeri haram.

Pada ketika itu, Rasulullah SAW menyampaikan ucapan perpisahannya, yang mana ia merupakan prinsip-prinsip hidup seorang Islam yang diisyiharkan sebagai berikut:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ، إِنَّ رَبَّكُمْ وَاحِدٌ، أَلَا لَا فَضْلَ لِعَرَبِيٍّ عَلَى عَجَمِيٍّ، وَلَا لِعَجَمِيٍّ عَلَى عَرَبِيٍّ، وَلَا لِأَحْمَرَ عَلَى أَسْوَدَ، وَلَا لِأَسْوَدَ عَلَى أَحْمَرَ، إِلَّا بِالتَّقْوَى (إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ)

**Maksudnya:** “Hai sekalian manusia! Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Esa! Ingatlah tiada kelebihan buat seorang Arab ke atas orang Ajam (bukan arab) dan tidak juga orang ajam ke atas orang Arab, dan tidak

*pula orang yang berkulit merah ke atas orang yang berkulit hitam dan seorang kulit hitam ke atas yang berkulit merah, melainkan hanya dengan takwa. Sesungguhnya orang yang termulia di antara kamu di sisi Allah adalah yang paling bertakwa di antara kamu.”*

Riwayat al-Baihaqi (5137)

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Imam al-Ghazali berkata:** Silaturahmi adalah amalan mulia para Nabi dan Rasul, sehinggakan orang yang memutuskan silaturahmi dianggap telah melakukan dosa besar.
- ❖ **Pujangga berkata:** Dahulukanlah mengucapkan salam, ucapkan selamat dengan senyuman, curahkan perhatian anda kepada mereka supaya anda menjadi orang yang sangat mereka cintai dan dekat dengan mereka.

### Kisah Teladan

Pada zaman pemerintahan Hisham bin Abdul Malik, negara dilanda kemarau yang panjang. Orang Arab datang berjumpa dengan beliau, tetapi masing-masing takut hendak bercakap dengannya. Dalam kumpulan mereka, terdapat seorang kanak-kanak yang bernama Wardas bin Habib. Hisham terpandang kanak-kanak itu lalu ia bertanya kepada pengawalnya: “Apakah yang mereka mahu daripadaku hinggakan kanak-kanak turut bersama?” Kanak-kanak itu bersuara: “Wahai Amirul Mukminin, sesungguhnya kita telah ditimpa bencana selama tiga tahun.”

Setahun telah cair segala lemak-lemak dan setahun lagi telah musnah daging-daging, manakala pada tahun yang ketiga pula kering segala tulang. Sedangkan tuan hamba memiliki harta yang berlebihan. Sekiranya harta-harta itu milik Tuhanmu, maka bahagi-bahagikanlah kepada hamba-Nya dan sekiranya harta itu milik mereka, maka mengapakah tuan hamba menyekat atau menahan mereka daripada memilikinya? Sekiranya harta-harta itu milik tuan hamba, maka sedekahkanlah kepada mereka.

Sesungguhnya Tuhan memberi balasan kepada mereka yang bersedekah dan tidak mensia-siakan pahala orang-orang yang berbuat kebajikan. Kemudian Hisham pun berkata: “Budak ini tidak langsung mengecualikan kita daripada tiga perkara tersebut.” Lalu beliau terus memerintahkan supaya disedekahkan kepada penduduk Biwadi sebanyak seratus dinar dan diberikan kepada kanak-kanak itu seratus ribu dirham.

Mendengar hal ini, kanak-kanak itu berkata: “Hai Amirul Mukminin, kembalikanlah harta milik kepunyaan Arab itu kerana saya bimbang keperluan mereka tidak mencukupi.” Lalu Hisham bertanya: “Apakah sebenarnya hajatmu?” Kanak-kanak itu menjawab: “Saya tidak berhajatkan sesuatu melainkan untuk kepentingan muslimin seluruhnya.” Maka jadilah kanak-kanak itu sebagai seorang yang paling cerdik, bijak dan mulia antara kaumnya.”

